AUTHOR: Zulkifli manzor SECTION: NEGARA PAGE: 9 PRINTED SIZE: 466.00cmï¿½ REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 12,140.00 ITEM ID: MY0064231993

21 JUN, 2025

Kosmo, Malaysia

Insentif Cekap Tenaga diperkenal

- **Lebih 23.6 juta pengguna nikmati kadar lebih adil**
- **Penggunaan 1,000kWj dan ke bawah tak terkesan**

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Lebih 23.6 juta pengguna domestik bakal menikmati kadar elektrik yang lebih adil dan progresif menerusi pelaksanaan jadual tarif elektrik baharu yang diluluskan oleh kerajaan.

Suruhanjaya Tenaga (ST) berkata, kadar purata tarif asas diselaraskan bagi Tempoh Regulatori Keempat (RP4) yang ditetapkan pada kadar 45.40 sen sekilowatt-jam (kWj).

Katanya, dengan pelarasan itu purata kos keseluruhan tarif elektrik akan berkurangan sehingga 19 peratus berbanding RP3.

"Kadar purata tarif asas diselaraskan berdasarkan anggaran kos pembekalan elektrik pada kadar 45.40 sen/kWj berbanding 45.62 sen/kWj yang diluluskan pada Disember 2024.

"Penetapan ini akan berkuat kuasa mulai 1 Julai ini hingga 31 Disember 2027 di bawah kerangka kerja Kawal Selia Berasaskan dan bukan domestik, mengikut penggunaan voltan rendah, sederhana atau tinggi.

Ia turut meliputi penetapan setiap caj bagi komponen tenaga, kapasiti, rangkaian dan peruncitan berdasarkan kos berkaitan.

"Insentif Cekap Tenaga akan diperkenalkan sebagai galakan kepada 23.6 juta pengguna yang mengamalkan penggunaan elektrik secara berhemah.

"Melalui insentif ini, pengguna dengan penggunaan elektrik 1,000 kWj dan ke bawah dijangka tidak terkesan dengan pelaksanaan jadual tarif baharu," katanya.

ST berkata, pengguna bukan domestik voltan rendah yang menggunakan 200 kWj dan ke bawah turut mendapat manfaat daripada insentif tersebut.

Katanya, skim masa penggunaan (TOU) diselaras dan diperluas kepada tempoh luar puncak lebih panjang iaitu seluruh Sab-Insentif (*Incentive-Based Regulation-IBR*) selaras dengan peruntukan Seksyen 26 Akta Bekalan Elektrik 1990.

"Jadual tarif baharu akan berkuat kuasa mulai 1 Julai dan diselaraskan dalam bil bermula penggunaan Julai 2025," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

ST berkata, pengenalan jadual tarif baharu itu meliputi perubahan kategori pengguna domestik tu, Ahad dan 10 malam hingga 2 petang pada Isnin hingga Jumaat.

Ia bagi menggalakkan pengurusan penggunaan lebih cekap mengikut waktu permintaan sejajar dengan usaha ke arah sistem tenaga yang lebih cekap dan lestari.

"Sekiranya pengguna menggunakan waktu di luar puncak, pengguna pengguna dapat menjimatkan bil elektrik berbanding penggunaan ketika waktu puncak," jelas ST.

Bagi memastikan aspek sosial dan kebajikan dipelihara, kerajaan bersetuju tarif spesifik digunakan bagi kategori pertanian, air dan pembetungan serta operator rel atau traction.

Pemberian rebat 10 peratus diberikan bagi institusi berdaftar pengajian tinggi, sekolah, rumah kebajikan dan rumah ibadat.

Program Rebat Bil Elektrik RM40 turut diteruskan kepada ketua isi rumah miskin tegar dan berdaftar dalam e-Kasih.

Semua pengguna akan menerima bil elektrik dalam format baharu yang lebih terperinci. Susulan pelaksanaan jadual tarif baharu ini, majoriti pengguna dijangka tidak terkesan.

"Malah, pengguna yang mengamalkan penggunaan tenaga secara cekap akan menikmati penjimatan lebih tinggi menerusi Insentif Cekap Tenaga," katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: Zulkifli manzor SECTION: NEGARA PAGE: 9 PRINTED SIZE: 466.00cmï¿½ REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 12,140.00 ITEM ID: MY0064231993

21 JUN, 2025

Insentif Cekap Tenaga diperkenal

Kosmo, Malaysia

PENGGUNA akan menerima bil elektrik dalam format baharu yang lebih terperinci pada bulan hadapan.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.